

## **Warga Emas Ditemui Mati di Dapur**

Oleh: Shafinah Othman, 1180180

TUMPAT: Seorang lelaki warga emas ditemui mati di dapur rumahnya di Kampung Pohon Pulau Bunohan, petang semalam.

Menurut laporan pihak hospital, mangsa Yasin Mat Kit, 79, dipercayai meninggal dunia lebih dua hari akibat serangan jantung.

Saksi kejadian, Hassan Yaacob berkata, beliau bersama anaknya pergi melihat mangsa di rumahnya dan mendapati ia berkunci daripada dalam.



**Saksi menunjukkan rumah mangsa di mana mayat mangsa ditemui.**

Hassan berkata, dia mengesyaki sesuatu berlaku kepada mangsa selepas beberapa hari tidak melihat mangsa keluar rumah dan mendengar bacaan al-Quran setiap petang menyebabkan dia bertekad mahu membuka pintu rumah mangsa.

“Setelah pintu dibuka, mangsa dilihat dalam keadaan sujud dan separuh berpakaian. Jasad mangsa juga sudah membengkak dan berbau,” katanya.



**Hassan Yaacob, 55**



**NorAzila Awang, 48**

Menurut salah seorang jiran mangsa, Norazila Awang berkata, kali terakhir kelibat mangsa dilihat pada pagi jumaat berbasikal ke kedai untuk membeli makanan dan mangsa juga ada memberitahu dia tidak berselera untuk makan.

Mangsa juga sudah lama tinggal bersendirian di rumah usangnya itu dan penduduk kampung mengenalinya sebagai seorang yang sangat baik semasa hayatnya.

Mayat mangsa telah dibawa ke Hospital Tumpat dan dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Bunohan.